

BULETIN JSG

Jabatan Sains Gunaan
UiTM Cawangan Pulau Pinang



KANDUNGAN

• Dari Meja Koordinator	01
• Sekalung Penghargaan; Jasamu Dikenang, Sumbanganmu Dihargai	02
• Menjulung Amanah, Menyemai Harapan	03

KUALITI

• JSG Menjulung Penyelidikan Mencorak Masa Depan	04-07
• Perundingan & Kepakaran	08-11
• Penulisan & Penerbitan	12-14
• Penyeliaan Pelajar	15-17
• Penyeliaan Industri	18-19
• Pencapaian & Anugerah	20-21
• Anugerah Felo IKM	22
• Inovasi Pengajaran & Pembelajaran	23
• Inovasi Keusahawanan	24

AKADEMIK

• MOU Signing; UiTM - MCE	25-27
• Pengajaran Kolaboratif	28
• Bengkel Perancangan Strategik	29-30
• Bengkel TOT Misi Akademik JSG 2024	31-32
• K2M Zon Utara	33-34
• JSG @ ESKU 2024	35
	36-37

AKTIVITI

• Promosi program akademik Pra Diploma Sains & Pra Diploma Sains STEM Sastera	36-37
• Sinar Kasih 1.0	38-39
• A DAY IN UITM CPP 2024: Mendekatkan UiTM kepada Komuniti Luar Bandar	40-41
• Program Explorasi Ilmu Sempena Hari Kanak-kanak	42
• Ziarah Kasih Ramadan 2024 Pelajar Pra Diploma Sains	43-44
• Lawatan Ilmu Sinar Kasih	45-46
• Free Market 8.0	47
• Kemeriahan Aidilfitri bersama pelajar PPT	48-49

SUKAN/RIADAH

• Team Building @ Batu Kurau	50-51
• Sukan Antara Fakulti UiTM Caw. Pulau Pinang	52-53
• KESUTRA 2024	54-55
• SASPEN 2024	56



SUKAN ANTARA FAKULTI

UiTM Cawangan Pulau Pinang 2024



15 November 2024-UiTM Cawangan Pulau Pinang telah menganjurkan Sukan Antara Fakulti (SAF) 2024 yang berlangsung dengan penuh semangat dan meriah sepanjang minggu bermula 25 oktober sehingga 15 November 2014. Program tahunan ini berjaya menghimpunkan warga fakulti daripada pelbagai latar belakang akademik dalam satu platform yang sihat dan penuh nilai kesukanan. SAF 2024 menyaksikan penyertaan aktif dari semua fakulti, termasuk Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Kimia, Sains Gunaan, dan Teknologi Maklumat & Komunikasi. Pelbagai acara telah dipertandingkan seperti bola sepak, bola jaring, bola tampar, futsal, badminton, ping pong, catur dan banyak lagi acara yang menjadikan program ini satu medan bukan sahaja untuk menguji ketangkasan fizikal tetapi juga mencungkil semangat kerjasama dan setiakawan dalam kalangan staf dan pelajar.

Program Pra Diploma Sains dan Pra Diploma Perdagangan yang juga dikenali sebagai Pra Pendidikan Tinggi (PPT) UiTM Cawangan Pulau Pinang telah mencipta detik bersejarah apabila dinobatkan sebagai Johan Perbarisan dan Persembahan sempena Majlis Penutup Sukan Antara Fakulti (SAF) 2024 yang berlangsung di Dewan Besar, UiTM CPP. Kejayaan gemilang ini diraikan penuh bangga oleh para pelajar dan staf, mencerminkan semangat kesukanan serta komitmen tinggi sepanjang persiapan dan latihan. Persembahan perbarisan yang sarat dengan kreativiti dan semangat telah memikat perhatian para juri, mengatasi saingan hebat daripada fakulti-fakulti lain. Kemenangan ini bukan sahaja menonjolkan bakat pelajar Pra Diploma dalam aspek persembahan, malah memperlihatkan kekuatan semangat berpasukan dan dedikasi mereka.

Lebih membanggakan, Program Pra Diploma turut mencatat pencapaian membanggakan dalam pertandingan sukan dengan meraih tempat kelima keseluruhan SAF 2024. Antara kejayaan sukan yang dicapai termasuk:

- 🥇 Pingat Emas dalam acara Ping Pong Wanita
- 🥉 Pingat Gangsa dalam acara Bola Sepak
- 🥉 Pingat Gangsa dalam acara Aerodance

Pencapaian ini menyerlahkan potensi pelajar Pra Diploma bukan sahaja dalam bidang akademik, malah dalam pembangunan bakat dan kokurikulum. Tahniah kepada semua pengurus pasukan yang terdiri daripada pensyarah Jabatan Sains Gunaan atas komitmen dan semangat juang yang tinggi dan menjunjung semangat kesukanan Bersama para pelajar.



Hakmilik © 2025 oleh Jabatan Sains Gunaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang,
Penang, MALAYSIA.

Hak cipta adalah terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan, disimpan
dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam bentuk atau apa-apa cara, elektronik, mekanik,
fotokopi, rakaman atau sebaliknya, tanpa kebenaran terlebih dahulu, secara bertulis, dari penerbit.
Diterbitkan pada 30 JUN 2025

UNIT PENERBITAN
JABATAN SAINS GUNAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG
PENANG, MALAYSIA

